

01/09/2003

350,000 banjiri Dataran Putrajaya

PUTRAJAYA: Kira-kira 350,000 pengunjung yang membanjiri Dataran Putrajaya di sini untuk menyaksikan sambutan Hari Kebangsaan ke-46, terpesona dengan pelbagai aksi aerobatik juruterbang Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) yang pertama kali mengadakan pertunjukan udara pada hari bersejarah itu.

Dalam pertunjukan itu, lima pesawat F/A-18D-Hornet dari Skuadron Ke-18 TUDM berpangkalan di Butterworth, menggegarkan ruang udara Putrajaya selama kira-kira 10 minit dengan pelbagai aksi menarik dan mendebarkan.

Selain pertunjukan solo, pasukan itu mengadakan persembahan dalam pelbagai formasi seperti diamond, box dan echelon.

Pertunjukan solo aerobatik dilakukan Mejar Koey Tang Chai dan dibantu Mejar Zaidi Ahmad. Koey adalah antara beberapa juruterbang yang terawal menerbangkan pesawat buatan Amerika Syarikat itu dalam TUDM.

Pegawai Memerintah Skuadron, Lt Kol Kaharuddin Radzi, yang mempunyai 3,500 jam penerbangan, bersama tiga juruterbang dan empat pegawai persenjataan dan sistem, pula mengadakan pertunjukan berpasukan dengan membuat pelbagai formasi.

Sebelum ini, sambutan Hari Kebangsaan hanya membabitkan terbang lintas hormat, bukannya pertunjukan udara. Pertunjukan udara kali ini adalah satu penghormatan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang melepaskan jawatannya Oktober ini.

Selain lima pesawat Hornet, 30 pesawat jenis lain dan helikopter turut menyertai sambutan kali ini, membabitkan aset TUDM, Pasukan Udara Tentera Darat, Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), polis, Jabatan Bomba dan Penyelamat dan sektor swasta.

Antara yang mengambil bahagian ialah empat pesawat Hawk dari Skuadron Ke-6 berpangkalan di Kuantan, yang membuat formasi bomb burst.

Lima helikopter Nuri TUDM, 10 helikopter Alouette TUDM dan Pasukan Udara Tentera Darat, tiga helikopter AS335 Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM), tiga pesawat Cessna PDRM dan satu helikopter Mi-17 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, turut menyertai acara itu.

Tidak ketinggalan melakukan terbang hormat kali pertama ialah pesawat ringan buatan tempatan, Eagle 150B. Helikopter yang melakukan terbang hormat membawa Jalur Gemilang dan bendera negeri.